

Bagi memastikan pasukan benar-benar bersedia untuk ke pentas kebangsaan, barisan cikgu dan murid Tahun Enam Sekolah Kebangsaan (SK) Jalan Enam, Bandar Baru Bangi, Selangor mengadakan lawatan akademik dan demonstrasi pengurusan sisa makanan.

Ia melalui kaedah kompos, di bawah inisiatif EcoSmart Kompos di Jalan Enam ke Fakulti Perhutanan dan Alam Sekitar (FHAS), Universiti Putra Malaysia (UPM), baru-baru ini.

Lawatan itu sebahagian daripada persiapan rasmi pasukan sekolah berkenaan yang terpilih mewakili Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Hulu Langat dan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Selangor ke Pertandingan Showcase Kefahaman melalui Reka Bentuk (KmR) kategori sekolah rendah dijangka berlangsung pada 6

Lawatan akademik dorong murid hargai alam sekitar



LAWATAN ke FHAS diharap beri kesan terhadap pembentukan masa depan murid.

hingga 7 Ogos ini di Institut Pendidikan Guru (IPG) Kampus Tuanku Bainun, Bukit Mertajam, Pulau Pinang.

Menariknya lawatan itu turut memberi peluang kepada murid mengalami sendiri bagaimana sisa makanan boleh diproses menjadi kompos melalui pendekatan saintifik dan praktikal dengan bimbingan fasilitator dalam kalangan pelajar sarjana alam sekitar.

Murid turut didedahkan kepada konsep kitar semula organik, pemantauan kualiti kompos dan aplikasi dalam pertanian lestari yang semuanya dirangka sebagai sebahagian modul pendidikan kelestarian selari dengan tema pertandingan KmR.

Ketua Jabatan Sains dan Teknologi Alam Sekitar, Gs Dr Zulfa Hanan Ash'aari

menzahirkan harapan tinggi terhadap kesan program seperti itu kepada pembentukan masa depan murid.

"Kami yakin pendedahan awal seperti ini mencetus semangat murid berinovasi dan menjadi ejen perubahan kepada alam sekitar serta memilih alam sekitar sebagai kerjaya masa hadapan di fakulti ini," katanya.

Program ini turut dipandu Dr Muhammad Heikal Ismail selaku penasihat projek dengan penyelarasan teknikal daripada Sarah Dini Muhamad Din dan Amirudin Azmi yang memainkan peranan penting dalam menjayakan demonstrasi dan sesi makmal.

Menurut pihak fakulti, inisiatif seperti EcoSmart Kompos menjadi bukti sinergi antara universiti dan sekolah mampu membina

jambatan ilmu yang kukuh, bukan sekadar lawatan, tetapi pembelajaran translasi dari makmal ke sekolah.

"Program ini turut memberi ruang kepada murid untuk berlatih membentangkan idea mereka secara tersusun dan yakin, satu kemahiran penting menjelang penilaian KmR peringkat kebangsaan.

"Lebih daripada itu, pengalaman di UPM membuka dimensi baharu kepada mereka berkenaan peranan institusi pengajian tinggi dalam menyokong perubahan iklim, inovasi akar umbi dan pembangunan komuniti.

"Ia juga mencerminkan komitmen universiti dalam melahirkan generasi yang bukan sahaja celik akademik, tetapi peka terhadap realiti alam sekitar dan berdaya cipta dalam menyelesaikan cabaran dunia sebenar," katanya.